



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“DERMA DARAH: KUKUHKAN PERPADUAN”

24 Jun 2022 / 24 Zulkaedah 1443

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَنْعَمَ عَلَيْنَا بِنِعْمَةِ الْإِيمَانِ وَالْإِسْلَامِ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhlaskan setiap amal, semoga kita sentiasa mendapat taufik dan hidayah serta diperkukuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: “DERMA DARAH: KUKUHKAN PERPADUAN”

Setiap tahun, tarikh 14 Jun disambut sebagai Hari Derma Darah Sedunia bagi meningkatkan kesedaran orang ramai akan kepentingan menderma darah dan manfaat terutama kepada para pesakit yang memerlukan. Atas dasar itu, tema bagi tahun ini ialah “Derma Darah: Kukuhkan Perpaduan” disambut dengan harapan agar masyarakat mempunyai semangat keterbukaan menerima kempen ini, sekali gus bersedia mendermakan darah.

Darah ialah ciptaan Tuhan yang Maha Esa; darah ialah cecair yang mengalir dalam tubuh badan makhluk, terdiri daripada beberapa komponen yang berperanan untuk membawa oksigen dan karbon dioksida, melawan virus dan jangkitan, memberi keseimbangan badan dan fungsi-fungsi lain yang membawa kesejahteraan tubuh badan makhluk. Allah menciptakan kehidupan manusia bergantung kepada darah, tanpanya manusia tidak boleh hidup, kekurangan darah dalam badan juga boleh menjejaskan

¹ Memuji Allah SWT

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Takwa



kesihatan tubuh. Ciri-ciri mereka yang layak menderma darah adalah sihat tubuh badan, berat badan sekurang-kurangnya empat puluh lima kilogram, berumur antara 18 tahun hingga 60 tahun, dan tidak terlibat dengan kegiatan berisiko tinggi seperti berhubungn sesama jenis, mengambil suntikan dadah dan sebagainya.

Syariat Islam amat menjaga nyawa umatnya bertepatan dengan maqasid Syariah iaitu ‘*Hifz al-Nafsi*’. Menderma darah ialah amalan terpuji, merupakan satu ikhtiar yang berupaya menyelamatkan nyawa manusia dan memberikan kehidupan baru kepada mereka. Ramai pesakit yang dapat diselamatkan melalui darah yang dipindahkan ke tubuh badan mereka, antaranya ialah mangsa kemalangan, wanita yang tumpah darah ketika bersalin, pesakit demam denggi, pesakit talasemia; iaitu mereka yang mempunyai masalah genetik sel darah merah, pesakit anemia; iaitu mereka yang mempunyai kekurangan sel darah merah dalam badan, pesakit leukemia; iaitu mereka yang menghidapi barah dalam sel darah putih dan banyak lagi kategori pesakit yang amat memerlukan darah untuk rawatan termasuk juga bayi yang perlu menjalani pertukaran darah.

Melalui darah yang didermakan, pesakit-pesakit dengan izin Allah berpeluang sembuh dan meneruskan kehidupan. Lazimnya mereka akan merasa terhutang budi kepada penderma, sekalipun mereka tidak mengenali pendermanya. Dengan penentuan Illahi, melalui darah yang didermakan, kita mungkin dapat membantu menyelamatkan seorang bapa yang menjadi tempat pergantungan ahli keluarganya, seorang murid yang bijak, guru yang berkemahiran tinggi, insan-insan baik yang menabur bakti kepada ummah. Oleh sebab nyawa begitu bermakna, al-Quran menggambarkan betapa bernilainya nyawa manusia dan mereka yang memeliharanya. Firman Allah SWT:

مَنْ قَتَلَ نَفْسًا بِغَيْرِ نَفْسٍ أَوْ فَسَادٍ فِي الْأَرْضِ فَكَأَنَّمَا قَتَلَ النَّاسَ جَمِيعًا وَمَنْ أَحْيَاهَا
فَكَأَنَّمَا أَحْيَا النَّاسَ جَمِيعًا

Bermaksud: Sesiapa yang membunuh seorang manusia dengan tiada alasan yang membolehkan bunuh orang itu, atau (kerana) membuat kerosakan di muka bumi, maka seolah-olah dia telah membunuh manusia semuanya, dan sesiapa yang memelihara kehidupan seorang manusia, Maka seolah-olah dia telah memelihara kehidupan manusia semuanya. (Surah al-Maidah ayat 32)



Sidang Jumaat yang dimuliakan Illahi,

Menurut *Fiqh* perubatan Islam, hukum asal darah adalah haram kerana ia merupakan najis. Namun, dalam beberapa keadaan yang memerlukan penggunaannya, seperti tujuan perubatan seperti melakukan perpindahan darah kepada pesakit yang memerlukan; bertujuan menyelamatkan nyawa manusia, Islam memberikan keharusan untuk diambil manfaat darah tersebut di bawah kendalian ahli dalam bidang perubatan. Hukum keharusan penggunaan darah ini adalah berdasarkan kaedah *Fiqh* yang disebut sebagai “الضَّرُورَاتُ تُبِيحُ الْمَحْظُورَاتِ” iaitu “Perkara darurat dalam beberapa keadaan boleh mengharuskan apa yang telah diharamkan”.

Kelebihan bagi mereka yang menderma darah, turut dijamin oleh Baginda SAW sebagai orang yang berhati mulia bermanfaat kepada manusia dengan menghulurkan bantuan kepada saudaranya. Sabda Nabi SAW:

مَنْ كَانَ فِي حَاجَةٍ أَخِيهِ كَانَ اللَّهُ فِي حَاجَةِ أَخِيهِ وَمَنْ فَرَّجَ عَنْ مُسْلِمٍ كُرْبَةً فَرَّجَ اللَّهُ عَنْهُ بِهَا
كُرْبَةً مِنْ كُرْبٍ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Bermaksud: “Sesiapa yang membantu mencukupkan keperluan saudaranya, maka Allah pula membantu mencukupkan keperluannya. Sesiapa yang melepaskan kesulitan seorang Muslim, maka Allah melepaskan pula kesusahannya kelak pada hari kiamat.”

(Riwayat Muslim)

خَيْرُ النَّاسِ أَنْفَعُهُمْ لِلنَّاسِ

Bermaksud: “Sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat bagi manusia yang lain.”

(Riwayat At Thabrani & Daruquthni)

Sidang Jumaat yang dimuliakan,

Menderma darah memberikan banyak manfaat kepada penerimanya. Antaranya membantu merangsang pembentukan sel-sel darah baru menggantikan sel-sel darah lama yang berupaya membekalkan oksigen dengan lebih baik berbanding sel lama. Seorang penderma darah diibaratkan membantu 3 nyawa kerana darah mempunyai tiga komponen utama yang boleh dimanfaatkan kepada tiga pengguna yang berbeza. Manfaat terbesar juga ialah membantu memenuhi permintaan bekalan darah di hospital-hospital melalui tabung darah yang mencukupi.



Selain kebaikan dan manfaat yang diterima oleh penerima darah, menderma darah juga turut memberikan banyak kelebihan kepada pendermanya dari sudut kesihatan. Antaranya penderma merasakan badan lebih sihat dan bertenaga, serta dapat mengenal pasti masalah kesihatan ketika membuat ujian darah dan pemeriksaan fizikal sebelum menderma darah. Kajian menunjukkan menderma darah dapat menurunkan tekanan darah dan penderma dapat mengetahui kadar tekanan darah serta mengawalinya agar tekanan darah sentiasa berada dalam keadaan normal. Selain itu, penderma dapat mengetahui kadar degupan jantung sekali gus memberikan manfaat pada kesihatan jantung. Kajian turut membuktikan amalan menderma darah dapat memberikan perlindungan jangka panjang kepada jantung. Ini menunjukkan amalan derma darah secara tidak langsung memberikan rawatan kesihatan kepada tubuh badan.

Mimbar memberikan peringatan untuk dihayati secara bersama:

Pertama: Derma darah merupakan amalan terpuji yang dengan izin Allah SWT dapat membantu mereka yang memerlukan dan menyelamatkan nyawa.

Kedua: Bagi mereka yang berupaya menderma darah, bolehlah melakukannya secara berkala agar masalah kekurangan bekalan tabung darah di hospital dapat ditangani.

Ketiga: Amalan derma darah memberikan dua manfaat besar kepada jasmani dan rohani. Pendermanya InsyaAllah mendapat ganjaran dan rahmat Allah SWT kerana telah memberi bantuan serta bermanfaat kepada kesihatan tubuh badan.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ
أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutamanya solat fardu berjemaah. Banyakkan berselawat ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ
وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي
الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ
وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ. اللَّهُمَّ اكْفِنَا بِجَلَالِكَ عَنِ حَرَامِكَ وَأَعْنِنَا
بِفَضْلِكَ عَمَّنْ سِوَاكَ.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!, muliakan kami dengan takwa dan istiqamah. Berkatilah mereka yang telah mendermakan darah kepada yang memerlukan serta berilah kesihatan yang baik kepada kami agar dapat kami lakukan amal soleh dan memberi manfaat kepada manusia.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.﴾